

Journey to Success
Insentif untuk Memperkembangkan Perniagaan Anda
“Bermula dengan EXECUTIVE”

TERMA & SYARAT

Insentif Journey to Success (“Insentif”) adalah ditaja oleh Young Living Malaysia Sdn Bhd, Bangsar South, 59200 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia (“Young Living”). **TEMPOH:** Insentif bermula dari **1 September, 12:01 pg. waktu tempatan dan berakhir pada 11:59 mlm., 31 Disember 2019 (“Tempoh Promosi”)**. Keadah penjagaan masa Young Living merupakan masa rasmi bagi Insentif ini dan adalah muktamad serta tidak boleh dipertikaikan. Young Living berhak untuk menggantikan mana-mana ganjaran dengan ganjaran yang mempunyai nilai yang sama sekiranya ganjaran itu tidak boleh didapati, mengubah terma dan syarat atau menamatkan kempen ini atas budi bicara syarikat sepenuhnya. Versi bahasa Inggeris bagi Terma & Syarat ini hendaklah diutamakan sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau tidak konsisten didapati pada terjemahan bahasa Cina dan bahasa Melayu.

KELAYAKAN:

Program insentif ini terbuka untuk semua ahli Young Living Malaysia yang aktif dan berkedudukan baik dengan Young Living, serta telah berjaya naik pangkat ke Executive sama ada dalam tempoh Insentif yang berikut:

Kategori A:

Ahli yang belum naik pangkat ke Executive sebelum 1 September 2019 dan berumur 18 tahun ke atas pada 1 September 2019.

Kategori B:

Ahli yang baru naik pangkat ke Executive/Silver (tidak diiktiraf sebagai Silver) buat kali pertama dalam tempoh Januari hingga Ogos 2019 dan mempunyai PERKEMBANGAN 1,500 OGV dari BASELINE* (kedua-dua Bahagian 1 dan Bahagian 2) dan berumur 18 tahun ke atas pada 1 September 2019.

Ahli aktif ialah ahli yang telah membuat pembelian sekurang-kurangnya 100 PV dari Young Living dalam tempoh 12 bulan terkini dan telah menandatangani Perjanjian Ahli Young Living.

*BASELINE = Jumlah OGV yang terkumpul dari Jun, Julai dan Ogos 2019

KRITERIA PROGRAM:

Terdapat 2 BAHAGIAN dalam program ini, seperti yang diterangkan di bawah:

Bahagian 1

Ganjaran Pencapaian Executive Baharu (“NEAR”) = Naik pangkat sebagai Executive baharu dan kekalkan selama 3 bulan secara berturut-turut bagi memperoleh bonus RM1,200 (RM400 sebulan untuk 3 bulan). Pembayaran bonus akan dilakukan pada bulan keempat.

Bahagian 2

Ganjaran Kekonsistenan Executive Baharu (“NECR”) = Kekalkan pangkat Executive anda dalam bulan keempat, kelima dan keenam bagi memperoleh RM800, RM1,500 dan RM3,000 masing-masing. Pembayaran bonus akan dilakukan pada bulan ketujuh. Bagi NECR, peserta akan menentukan berapa jumlah perolehan yang beliau ingin terima. Sila rujuk pada Carta 1 di bawah:

Carta 1

	Contoh 1	Contoh 2	Contoh 3	Contoh 4	Contoh 5
Bulan Keempat	RM800	-	-	-	RM800
Bulan Kelima	-	-	RM800	-	RM1,500
Bulan Keenam	RM1,500	RM800	RM1,500	-	RM3,000

- Ahli mestilah menyertai dan memenuhi keperluan dalam NEAR sebelum beliau layak menyertai NECR.
- Walaupun kempen ini berakhir pada 31 December 2019, peserta yang naik pangkat dan terus mengekalkan pangkat Executive mereka untuk 3 bulan berturut-turut dari bulan Disember 2019 hingga Februari 2020 akan masih layak untuk memperoleh bonus RM1,200. Mereka juga layak untuk terus mengekalkan pangkat Executive atau pangkat mereka yang lebih tinggi dalam bulan Mac, April dan Mei 2020 sebagai bulan keempat, kelima dan keenam mereka bagi memenuhi kriteria NECR untuk memperoleh RM800, RM1500 dan RM3000 masing-masing.

Pendaftaran diperlukan untuk menyertai program ini. Sila daftar di: <http://bit.ly/YLMYJourneytoSuccess>.

GANJARAN/HADIAH:

Bahagian 1

Bonus NEAR akan dibayar berdasarkan yang berikut:

- a. Peserta yang memenuhi kriteria program akan diberikan ganjaran bonus RM1,200 atas kenaikan pangkat ke Executive dan mengekalkan pangkat untuk 3 bulan berturut-turut.
- b. Bonus RM1,200 tersebut akan dibayar dalam bulan keempat selepas melengkapkan pengkalan pangkat anda selama 3 bulan berturut-turut.

Bahagian 2

Bonus NECR akan dibayar berdasarkan yang berikut:

- a. Peserta mesti layak Bahagian 1 NEAR (Bonus RM1,200) dahulu sebelum layak ke Bahagian 2 NECR
- b. Peserta mempunyai PERKEMBANGAN 1,500 OGV dari BASELINE (Jumlah OGV yang terkumpul dari Jun, Julai dan Ogos 2019)
- c. Ketiga-tiga bulan NECR (bulan keempat, kelima & keenam) mestilah dipenuhi dalam tempoh 6 bulan, bermula dari bulan pertama peserta naik pangkat ke Executive untuk NEAR.

Pembayaran NECR hanya akan dibuat pada bulan ketujuh bagi menentukan jumlah keseluruhan yang diperoleh oleh seorang peserta NECR yang layak.

Syarat Hadiah Umum

Young Living tidak akan dipertanggungjawabkan dan pemenang tidak akan menerima apa-apa perbezaan, jika ada, di antara nilai sebenar ganjaran semasa waktu pemberian dengan nilai anggaran runcit ("ARV") yang dinyatakan dalam Peraturan Rasmi ini atau mana-mana surat-menyurat atau bahan yang berkaitan dengan promosi. Pemenang adalah bertanggungjawab bagi semua cukai persekutuan, negeri dan tempatan (termasuk cukai pendapatan dan penangguhan), jika ada, serta apa-apa kos dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan penerimaan dan penggunaan Hadiah yang disediakan dan tidak dinyatakan di sini, tanpa mengira sama ada Hadiah itu digunakan seluruhnya atau sebahagiannya. Young Living tidak sesekali akan bertanggungjawab untuk memberi Hadiah lebih daripada yang dinyatakan di sini. Jika berlaku kejadian di mana tidak terdapat cukup Ahli yang layak untuk memenangi semua Hadiah, Young Living berhak untuk memberi jumlah Hadiah mengikut jumlah Ahli yang layak. Apa-apa Hadiah yang tidak diberikan selepas Tempoh Promosi akan kekal tidak diberikan. Sekatan/syarat Hadiah yang dinyatakan di sini tidak semuanya inklusif. Hadiah-hadiah tidak boleh ditukar atau ditebus dengan tunai, kecuali atas budi bicara Young Living, di mana Young Living berhak menggantikan sesuatu Hadiah (atau sebahagian daripadanya) dengan sesuatu Hadiah yang mempunyai nilai yang sama atau lebih tinggi. Hadiah-hadiah diberikan "SEADANYA" dan TANPA APA-APA JENIS WARANTI, menyatakan atau menandakan, termasuk, tanpa pengecualian, apa-apa waranti yang menandakan kebolehdagangan atau kesesuaian bagi sesuatu tujuan yang tertentu.

Semasa Tempoh Promosi, Peserta mungkin akan diaudit dari masa ke masa untuk memantau pematuhan dengan Dasar dan Tatacara Young Living yang berkenaan dengan budi bicara Peserta ("**Dasar dan Tatacara Young Living**"), lebih-lebih lagi, tapi tidak terhad kepada, seksyen yang berkaitan dengan pengiklanan dan promosi. Apa-apa pelanggaran terhadap Dasar dan Tatacara Young Living akan membatalkan Peserta daripada keseluruhan Insentif ini.

Lesen

Dengan menerima Hadiah, pemenang Hadiah telah masing-masing memberi izin untuk menggunakan nama, alamat (bandar dan negeri/daerah tempat tinggal), suara, dan kenyataan mereka yang berkaitan dengan Insentif dan Young Living, dan gambar atau apa-apa yang seumpamanya, tanpa pampasan, pemberitahuan atau keizinan selanjutnya dalam mana-mana publisiti atau pengiklanan yang dijalankan oleh Young Living atau mana-mana entiti berkaitan dalam apa-apa media tanpa had kawasan atau masa, kecuali yang tidak dibenarkan oleh undang-undang.

Pembatasan Liabiliti

Young Living dan gabungan, anak syarikat, syariat induk, agensi pengiklanan dan promosi, pencetak dan juri yang terlibat dalam Insentif ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa ketidaktepatan maklumat yang mungkin digunakan dalam Insentif, untuk apa-apa kesilapan teknikal atau manusia yang mungkin berlaku semasa memproses pendaftaran, termasuk data yang dimasukkan oleh peserta, apa-apa kesilapan penyertaan seperti kegagalan teknikal yang berkaitan dengan komputer, telefon, kabel dan gangguan hubungan jaringan atau pelayan; kegagalan teknikal yang berkaitan, atau kegagalan lain yang berkaitan dengan perkakasan, perisian atau virus; atau pendaftaran yang tidak lengkap, lambat atau tersalah arah. Apa-apa kompromi untuk pengendalian yang adil dan sewajarnya bagi Insentif ini yang berkaitan dengan virus komputer atau jenis kerosakan teknikal yang sama yang mungkin memberi kesan kepada keadilan, keselamatan dan pentadbiran yang sewajarnya bagi Insentif tersebut boleh mengakibatkan pembatalan, pembedahan atau perubahan pada Insentif atau sebahagian daripadanya atas budi bicara Young Living. Young Living berhak, atas budi bicaranya, untuk menjadikan pendaftaran Peserta tidak sah, di mana Young Living percaya Peserta tersebut telah cuba untuk mengusik atau merosakkan pentadbiran, keselamatan, keadilan atau pengendalian yang sewajarnya pada

Insentif tersebut atau Peserta yang tidak mempunyai semangat kesukanan atau yang mempunyai niat untuk mengugut atau mengganggu orang lain.

Dengan menyertai Insentif ini, Peserta telah menyetujui semua hak untuk menuntut kerosakan punitif, sampingan dan penting, bayaran guaman, atau apa-apa kerosakan selain daripada kos atau kerugian yang dikeluarkan dari poket sendiri yang mungkin akan terjadi semasa penyertaan dalam Insentif atau penerimaan, pemilikan atau penggunaan mana-mana Hadiah.

Semua yang berlaku akibat tindakan yang diambil disebabkan atau yang berkaitan dengan Insentif ini atau apa-apa Hadiah yang diberikan hendaklah diselesaikan secara individu, tanpa mengambil jalan keluar melalui apa-apa jenis tindakan perwakilan. Sesetengah budi bicara mungkin tidak membenarkan pengehadan tertentu ke atas kerosakan atau keupayaan untuk mengakibatkan kerosakan melalui tindakan perwakilan, oleh itu beberapa sekatan ini tidak terpakai oleh semua Peserta.

Peraturan dan Undang-Undang Lain

Jika segala aspek perubahan bagi Hadiah-hadiah tersebut di luar kawalan Young Living, Young Living, mahupun mana-mana rakan promosi lain yang menyediakan Hadiah-hadiah, tidak akan dipertanggungjawab atau bertanggungjawab bagi apa-apa perubahan yang seumpamanya, dan Young Living berhak untuk mengganti suatu Hadiah kepada Hadiah yang mempunyai nilai yang sama atau lebih tinggi, atas budi bicara Young Living sepenuhnya dan secara mutlak, jika, atas apa-apa sebab, semua atau sebahagian daripada suatu Hadiah, seperti yang diuraikan di sini, tidak atau menjadi tidak boleh didapati. Pemindahan suatu Hadiah kepada pihak ketiga tidak dibenarkan. Dengan menerima suatu Hadiah, pemenang Hadiah bersetuju bahawa Young Living tidak seharusnya dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kecederaan, kerosakan, atau kerugian dalam apa-apa bentuk yang diakibatkan oleh atau berkaitan dengan pemberian, penerimaan atau kegunaan Hadiah tersebut atau mana-mana aspek atau sebahagian daripadanya.

Young Living akan menjadi pemutus terakhir bagi semua tafsiran peraturan dan penentuan kelayakan, dan keputusan sedemikian adalah muktamad. Bagi menjelaskan persoalan dalam peraturan dan undang-undang, jika perlu, Young Living boleh meminda peraturan-peraturan ini dengan menerbitkan satu versi peraturan yang baharu. Hadiah, di mana berkenaan, akan dilaporkan sebagai pendapatan dalam borang cukai tahunan pemenang Hadiah. Pemenang Hadiah bertanggungjawab untuk membayar semua cukai atas apa-apa Hadiah dan/atau subsidi atau subsidi-subsidi yang dianugerahkan oleh Young Living. Young Living berhak untuk menggantung atau membatalkan Insentif ini, tanpa notis, atas apa-apa sebab atau tanpa sebab, atas budi bicaranya yang sepenuhnya. Kakitangan Young Living dan entitinya yang berkaitan dan pasangan dan ahli keluarga terdekat mereka tidak layak untuk menyertai Insentif ini. Insentif ini akan menjadi tidak sah sepertimana yang tidak dibenarkan oleh undang-undang. Semua peserta akan tertakluk kepada audit atau penentusahan tentang jumlah mata mereka.

Dengan menyertai Insentif ini, anda (i) sedia maklum kepatuhan pada Peraturan Rasmi dan butiran Promosi ini ("**Peraturan Rasmi**"), termasuk semua syarat kelayakan, (ii) menjamin bahawa apa-apa maklumat yang anda berikan yang berkait dengan Insentif ini adalah benar dan tepat, dan (iii) bersetuju untuk tertakluk pada keputusan yang dibuat oleh Young Living, yang merupakan muktamad dan terikat dalam semua hal yang berkaitan dengan Insentif ini. Peserta yang tidak mematuhi Peraturan Rasmi ini boleh disingkirkan.

Insentif ini adalah tertakluk pada undang-undang persekutuan, negeri, daerah dan undang-undang perbandaran Malaysia.

Sekiranya apa-apa keterangan Promosi yang terkandung dalam Peraturan Rasmi ini bercanggah dengan apa-apa keterangan Promosi yang terkandung dalam bahan Promosi yang lain (termasuk, tanpa pengehadan, mana-mana tahap penjualan, pengiklanan atas talian atau bercetak, atau papan pemuka), keterangan Promosi yang tercatat dalam Peraturan Rasmi ini akan diutamakan.

Kegagalan atau keputusan Young Living untuk menguatkuasa apa-apa peruntukan dalam Peraturan Rasmi ini tidak akan mengakibatkan penepian bagi peruntukan tersebut atau mana-mana peruntukan yang lain. Jika apa-apa peruntukan ditentukan menjadi tidak sah ataupun tidak boleh dikuatkuasakan atau haram, Peraturan Rasmi ini akan walaubagaimanapun kekal berkuat kuasa dan harus ditafsir mengikut terma mereka seolah-olah peruntukan yang tidak sah atau haram itu tidak terkandung di sini.

SOALAN LAZIM (FAQ)

1. Adakah program ini terbuka untuk semua individu?
J: Program ini terbuka untuk semua ahli yang telah naik pangkat dan mengekalkan pangkat Executive baharu mereka selama 6 bulan bagi memperoleh bonus yang pelbagai.

2. Ganjaran Pencapaian Executive Baharu (NEAR) ialah untuk 3 bulan. Jika saya naik pangkat dalam bulan September 2019 tetapi tidak mengekalkannya dalam bulan Oktober, November dan Disember 2019, adakah saya masih layak untuk memperoleh bonus RM400?
J: Tidak. Bagi memperoleh bonus RM1,200 bonus tersebut, anda mestilah naik pangkat sebagai Executive dan kekalkan pangkat anda untuk 3 bulan berturut-turut. Bonus RM1,200 tersebut akan dibayar dalam bulan keempat, iaitu selepas anda melengkapkan pengekalan pangkat anda selama 3 bulan berturut-turut.

3. Saya telah naik pangkat ke Executive dalam bulan Disember 2018. Bolehkah saya menyertai program ini?
J: Tidak, anda tidak layak untuk menyertainya. Walaubagaimanapun, anda masih boleh menikmati faedah program ini dengan berkongsi dan memperkasakan baris bawahan anda untuk menyertainya kerana apabila organisasi anda berkembang, perniagaan anda turut berkembang!

4. Jika saya naik pangkat ke Executive dalam bulan Oktober 2019 dan terus mengekalkan pangkat saya atau pergi lebih tinggi dari bulan Oktober 2019 hingga Mac 2020, berapakah yang akan saya peroleh daripada program ini?
J: Tahniiah! Berdasarkan senario di atas, anda telah berjaya memaksimumkan perolehan anda dalam program ini, di mana anda telah berjaya memperoleh bonus sehingga RM6,500. RM1,200 akan dibayar sebelum hujung Januari 2020 dan sejumlah RM5,300 (RM800 + RM1,500 + RM3,000) akan dibayar sebelum hujung April 2020.

5. Saya telah naik pangkat ke Executive dalam bulan September 2019 dan telah naik pangkat lagi dalam bulan November dan Disember 2019. Adakah saya masih layak untuk memperoleh bonus RM1,200?
J: Tidak. Untuk melayakkan diri bagi memperoleh bonus, anda mestilah mengekalkan pangkat anda untuk 3 bulan berturut-turut. Dalam senario di atas, anda boleh mengambil November 2019 sebagai bulan pertama kelayakan anda bagi program ini dan jika anda mengekalkan pangkat anda untuk sebulan lagi dalam bulan Januari, anda akan memenuhi keperluan dengan mengekalkannya selama 3 bulan berturut-turut dan memperoleh bonus RM1,200 tersebut.

6. Saya naik pangkat ke Executive dalam bulan Julai dan Ogos 2019, patutkah saya hanya mengekalkan pangkat saya untuk sebulan lagi bagi memperoleh bonus RM1200 tersebut?
J: Tidak. Dalam senario ini, anda merupakan peserta dalam Kategori B. Oleh itu anda patut mula mengekalkan pangkat Executive anda semasa tempoh kempen (September hingga Disember 2019) dan pastikan anda memenuhi perkembangan 1,500 OGV dari baseline (jumlah OGV dari bulan Jun

hingga Ogos 2019) bagi melayakkan diri untuk Bahagian 1 NEAR dan Bahagian 2 NECR program tersebut.

7. Saya naik pangkat ke Executive dari bulan September hingga November 2019 dan kemudian ke Executive sekali lagi dalam bulan Februari 2020, Mac 2020 dan April 2020. Adakah saya masih layak untuk memperoleh bonus RM1,200 bonus dan bonus NECR (RM800 + RM1500 + RM3000)?
J: Katakanlah anda merupakan peserta dalam Kategori A (di mana anda tidak pernah naik pangkat ke Executive sebelum ini), anda akan layak untuk NEAR dan memperoleh bonus RM1,200 bonus. Manakala untuk NECR, anda hanya akan memperoleh bonus RM800 bonus kerana bulan Disember 2019 sepatutnya menjadi bulan keempat anda, bulan Januari 2020 menjadi bulan kelima anda dan Februari 2020 ialah bulan keenam anda. Sila rujuk pada Carta 1 di atas. Anda mestilah layak untuk memperoleh bonus RM1,200 dahulu sebelum anda boleh mulakan bulan-bulan keempat, kelima dan keenam NECR anda. Harus diingat bahawa bulan terakhir untuk melayakkan diri bagi memperoleh bonus RM1,200 ialah bulan Disember 2019.
8. Saya merupakan peserta dalam Kategori B dan baseline saya (jumlah OGV terkumpul dari bulan Jun hingga Ogos 2019) ialah 16,000 (Jun = 5,000 OGV, Julai = 5,000 OGV, Ogos = 6,000 OGV). Saya mengekalkan pangkat sebagai Executive untuk bulan September = 5,000 OGV, Oktober = 4,500 OGV, November = 5,000 OGV, yang membawa kepada jumlah OGV saya hanya sebanyak 14,500. Adakah saya masih layak untuk memperoleh bonus RM1,200 untuk Bahagian 1 NEAR?
J: Tidak. Untuk Kategori B, walaupun anda mengekalkan pangkat sebagai Executive untuk 3 bulan berturut-turut, anda tidak mempunyai perkembangan 1,500 OGV growth. Jumlah OGV anda dari September hingga November 2019 mestilah 17,500 OGV minimum (16,000 + 1500).
9. Saya merupakan peserta dalam Kategori B, baseline saya (jumlah OGV terkumpul dari bulan Jun hingga Ogos 2019) ialah 16,000 (Jun = 5,000 OGV, Julai = 5,000 OGV, Ogos = 6,000 OGV) dan saya telah layak untuk NEAR, iaitu bonus RM1,200. Jika saya terus mengekalkan pangkat Executive saya dalam bulan Disember 2019 = 5,000 OGV, Januari 2020 = 8,000 OGV, Februari 2020 = 5,000 OGV (jumlah OGV 18,000) – adakah saya masih layak untuk Bahagian 2 NECR?
J: Ya. Anda layak untuk NECR kerana anda mempunyai perkembangan 1,500 OGV dan anda telah mengekalkan pangkat Executive anda untuk 3 bulan seterusnya selepas 3 bulan pertama berturut-turut, iaitu Bahagian 1 NEAR (bonus RM1,200). Oleh itu, anda akan dibayar dalam bulan ketujuh sejumlah RM5,300 (RM800 + RM1,500 + RM3,000) di samping semua komisyen seadanya.
10. Bagaimana saya boleh melayakkan diri sebagai Executive?
J: Anda mesti mengekalkan yang berikut untuk melayakkan diri sebagai Executive:
- ✓ 100 PV (Personal Volume), jumlah pesanan peribadi bulanan anda
 - ✓ 4,000 OGV (Organization Group Volume), jumlah jualan bagi seluruh organisasi anda
 - ✓ 2 kaki x 1,000 OGV (2 kaki dengan 1,000 OGV diperlukan bagi setiap kaki)
11. Bila akan saya terima bonus RM1,200 untuk Bahagian 1 NEAR?
J: Bonus RM1,200 itu akan dimasukkan ke akaun bank anda pada hujung bulan keempat, iaitu selepas anda melengkapkan pengekalangan pangkat anda selama 3 bulan berturut-turut.
12. Bila akan saya terima pembayaran untuk Bahagian 2 NECR?
J: Bonus NECR akan dimasukkan ke akaun bank anda pada bulan ketujuh, iaitu selepas anda melengkapkan pengekalangan pangkat Executive anda atau lebih tinggi selama 3 bulan (bulan keempat, kelima dan keenam). Sekali lagi diingatkan, anda yang akan tentukan berapa jumlah bonus tambahan

yang anda ingin peroleh, iaitu RM800 sahaja atau RM800 + RM1,500 atau RM800 + RM1,500 + RM3,000 (jumlah sebanyak RM5,300 untuk NECR). Sila rujuk pada Carta 1 di atas.

13. Adakah saya perlu mendaftar jika saya ingin menyertai program ini?
J: Ya, sila daftar di <http://bit.ly/YLMYJourneytoSuccess>. Sila isikan borang dan pilih program yang anda ingin sertai. Anda akan diletakkan di bawah pengendalian seorang Business Specialist daripada pasukan Business Development kami untuk membimbing anda.
14. Telah dinyatakan bahawa bonus RM1,200 ini akan dibayar pada hujung bulan keempat. Bilakah tarikh sebenar pembayaran itu akan dilakukan?
J: Semua bonus akan dibayar pada hujung bulan, iaitu pada 30hb atau 31 hb pada bulan tersebut.
15. Jika saya naik pangkat tetapi tidak menyedari bahawa saya telah menerima bonus di bawah program ini, adakah saya akan dihubungi oleh mana-mana wakil dari Young Living Malaysia? Bilakah tarikh akhir untuk saya 'menuntut' bonus tersebut?
J: Sekiranya anda telah memilih untuk mendaftar, semua bonus yang anda peroleh akan dimasukkan ke dalam akaun bank anda secara automatik. Oleh itu, pastikan anda mendaftar melalui pautan ini: <http://bit.ly/YLMYJourneytoSuccess>

- DOKUMEN TAMAT -